



Ruj. Kami : Bil.(14)dlm.MDL/JPL/308/18(L)

Tarikh : 03 Julai 2019

NOTIS MAKLUMAN

Semua Pemilik Lesen dan Permit Perniagaan Daerah Lipis

Tuan/Puan

ARAHAN PELAKSANAAN HARI TANPA BEG PLASTIK SEKALI GUNA DAN PENYEDUT MINUMAN SETIAP SABTU DAN AHAD MULAI 1 JULAI 2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Untuk makluman Tuan, Pihak Berkuasa Negeri telah mengeluarkan **arahan larangan penggunaan beg plastik sekali guna dan penyedut minuman (straw) di semua jenis premis perniagaan pada setiap Hari Sabtu dan Ahad di seluruh Negeri Pahang mulai 1 Julai 2019.**

3. Langkah ini diambil bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pahang bebas pencemaran plastik dan ke arah mewujudkan peniaga serta pengguna yang lebih bertanggungjawab.

4. Sehubungan itu, tuan/puan dimohon untuk **mematuhi dan melaksanakan arahan ini dengan kadar segera mulai 1 Julai 2019 dan setiap Hari Sabtu dan Ahad dan tiada lagi pengenaan caj 20 sen dibenarkan.**

5. Kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai bagi memastikan **Daerah Lipis turut bebas pencemaran plastik** selaras hasrat yang digariskan oleh Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD HAFIZI BIN IBRAHIM, DIMP.,SMP.,AAP.,AMP.)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Lipis.

AMH/zu:notismakluman

s.k: Fail punca.